A

Wan Yuriilhami bin Wan Yaacob lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO D-05–57 TAHUN 2004 DAN D-05–58 TAHUN 2004
RAUS SHARIF, HASAN LAH DAN WAN ADNAN MUHAMAD, HHMR
6 OCTOBER 2008

C

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 39B — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah — Sama ada terbukti niat bersama untuk
D *mengedar dadah — Sama ada tertuduh pertama dan kedua diperangkap secara curang — Kanun Keseksaan s 34*

Undang-Undang Keterangan — Pemberi maklumat — Kegagalan memanggil
E *pemberi maklumat sebagai saksi — Penglibatan — Sama ada peranan pemberi maklumat sampai ke tahap agen perangkap — Sama ada kegagalan memanggilnya membangkitkan inferens terhadap pihak pendakwaan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 40 dan 40A — Akta Keterangan 1950 s 114(g)*

F

Tertuduh pertama dan kedua telah dituduh bersama-sama melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 93.70g methamphetamine di tempat letak kereta Hotel Perdana, Jalan Mahmud, Kota Bharu, Kelantan.
G Hakim bicara telah mendapati kedua-dua tertuduh bersalah. Mereka disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori. Kedua-dua tertuduh telah mengemukakan rayuan terhadap sabitan dan hukuman. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara setelah membuat penilaian maksimum ke atas keterangan pendakwaan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah
H berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh. Mereka telah diperintahkan untuk membela diri sebagaimana pertuduhan. Tertuduh pertama di samping menafikan dia terlibat dalam perundingan jual beli dadah dengan SP7 (anggota dari Jabatan Narkotik), telah mendakwa bahawa apa yang berlaku terhadapnya adalah angkara Seman ('pemberi maklumat').
I Tertuduh kedua juga telah menafikan dia terlibat dalam pengedaran dadah tersebut. Menurutnya, dia tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang dadah yang dirampas oleh polis di dalam kereta SP7. Malah menurutnya lagi, kali pertama dia melihat bungkusan hitam yang dirampas itu ialah apabila SP5 (Inspektor Polis) menunjukkan kepadanya di IPD Kota Bharu. Hakim

bicara telah menolak pembelaan kedua-dua tertuduh. Hakim bicara juga mendapati bahawa kedua-dua tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kedua-dua tertuduh secara berasingan telah mengemukakan rayuan terhadap sabitan dan hukuman bahawa sabitan terhadap kedua-dua tertuduh seperti pertuduhan adalah tidak selamat. Alasan-alasan yang dikemukakan adalah seperti berikut; (i) bahawa pemberi maklumat iaitu Seman bukan seorang pemberi maklumat tetapi seorang agen perangkap; (ii) terdapat keraguan tentang identiti barang-barang kes; (iii) unsur-unsur niat bersama tidak dibuktikan; dan (iv) tertuduh pertama dan kedua telah diperangkap secara curang.

Diputuskan, menolak rayuan-rayuan:

(1) Pemberi maklumat adalah dilindungi dari memberi keterangan manakala agen perangkap tidak. Dalam lain perkataan, jika seseorang itu hanya seorang pemberi maklumat, pihak pendakwaan tidak perlu memanggilnya sebagai saksi atau menawarkannya kepada pihak pembelaan. Pemberi maklumat adalah dilindungi oleh s 40 Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebaliknya jika seseorang itu adalah seorang agen perangkap, dia perlu memberi keterangan di mahkamah sebagai saksi pendakwaan dan jika tidak dipanggil ditawarkan kepada pihak pembelaan. Ketinggalan berbuat demikian akan menarik pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') terhadap pihak pendakwaan (lihat perenggan 41).

(2) Peranan pemberi maklumat dalam kes ini tidaklah sampai ke tahap agen perangkap. Pemberi maklumat hanya berperanan memperkenalkan SP7 kepada tertuduh pertama. Selepas itu segala perundingan hanya melibatkan SP7 dan tertuduh pertama. Pemberi maklumat adalah tidak terlibat langsung. Beliau hanya timbul semula di hari serbuan hendap di mana beliau berada di dalam kereta SP7. Walau bagaimanapun, beliau telah keluar dari kereta SP7 sebaik sahaja tertuduh pertama dan tertuduh kedua memasuki kereta SP7. Dengan itu tindakan pihak pendakwaan tidak memanggil Seman sebagai saksi atau tidak menawarkannya kepada pihak pembelaan tidak membangkitkan inferens terhadap pihak pendakwaan di bawah s 114(g) Akta (lihat perenggan 45–46).

(3) Pil-pil yang dirampas oleh SP5 yang kemudiannya diserahkan kepada SP6 dan seterusnya dianalisis oleh SP4 adalah pil-pil yang sama. Perbezaan keterangan antara SP4, SP5 dan SP6 mengenai tanda di pil-pil tersebut lebih menunjukkan tahap ketelitian seseorang saksi. Adalah tidak mustahil untuk dua atau lebih orang saksi yang melihat perkara yang sama, memberikan diskripsi yang berbeza. Perbezaan seperti ini hanya menunjukkan tahap ketelitian seseorang saksi itu.

Dalam kes ini, SP4 sebagai seorang ahli kimia sudah tentu lebih teliti daripada SP5 atau SP6. Jadi, walaupun terdapat perbezaan keterangan mengenai diskripsi pil-pil tersebut ianya tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan. Perbezaannya adalah terlalu kecil dan seharusnya tidak menjadi isu dalam kes ini (lihat perenggan 53–55).

(4) Satu pakatan terancang tidak sama dengan satu jenayah terancang kerana pakatan terancang boleh wujud dengan tiba-tiba atau pada waktu itu juga. Di dalam kes ini, walaupun tertuduh kedua tidak terlibat dalam perundingan jual beli dadah dengan SP7, tetapi atas fakta kes ini terdapat pakatan terancang yang timbul antara tertuduh kedua dan tertuduh pertama untuk mengedar dadah tersebut (lihat perenggan 60).

(5) Pembelaan bahawa tertuduh pertama diperangkap secara curang oleh Seman hanya timbul semasa kes pembelaan. Ia tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan. Dengan itu hakim bicara tidak silap untuk tidak mengambilkira keterangan sedemikian (lihat perenggan 69).

[English summary

The first and second accused were jointly charged for the commission of an offence of trafficking in dangerous drugs ie 93.70g of methamphetamine at the car park of Hotel Perdana, Jalan Mahmud, Kota Bharu, Kelantan. The trial judge found both accused guilty. They were convicted and mandatory death sentence was imposed. Both accused appealed against the conviction and sentence. At the end of the prosecution's case, the trial judge, after making a maximum evaluation of the prosecution's evidence decided that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case against both accused. They were ordered to defend themselves as per the charges. The first accused, apart from denying his involvement in the dealing of the drug purchase with SP7 (a member from the Narcotics Department), had alleged that what had happened to him was caused by Seman ('informer'). The second accused had also denied his involvement in the drug trafficking. According to him, he did not have any knowledge of the drugs confiscated by the police from SP7's car. According to him further, the first time he saw the black package that was confiscated was when SP5 (Police Inspector) showed it to him at the Kota Bharu DPH. The trial judge rejected the defence of both accused. The trial judge also found that both accused had failed to raise any reasonable doubt against the prosecution's case. Both accused had separately presented their appeal against the conviction and sentence that the convictions of both accused as per the charges were not safe. The grounds adduced were as follows: (i) that the informer, Seman was not an informer but an agent provocateur; (ii) there were doubt as to the identity of the case exhibits; (iii)

the elements of common intention was not proved; and (iv) the first and second accused were unfairly trapped. A

Held, dismissing the appeals: B

(1) An informer is protected from testifying whereas an agent provocateur is not. In other words, if anyone is merely an informer, the prosecution need not call him to testify or offer him to the defence. An informer is protected under s 40 of the Dangerous Drugs Act 1952. On the other hand, if one is an agent provocateur, he has to testify in the court as the prosecution witness and if not, he should be offered to the defence. The omission to do so would attract the inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 ('the Act') against the prosecution (see para 41). C

(2) The role of the informer in this case was not up to the level of an agent provocateur. The informer's role was merely to introduce SP7 to the first accused. Thereafter, all the discussion only involved SP7 and the first accused. The informer was not involved at all. He only surfaced on the day of the ambush whereby he was in SP7's car. However, he had came out from SP7's car as soon as the first and second accused entered SP7's car. Thus, the prosecution's act in not calling Seman as its witness or not offering him to the defence did not attract the inference against the prosecution under s 114(g) of the Act (see paras 45–46). D E

(3) The pills confiscated by SP5 which was later handed over to SP6 and further analised by SP4 were the same pills. The contradiction in SP4, SP5 and SP6's testimony about the marks on the pills reflected more on a witness's observatory level. It is not impossible for one or more of the witnesses to see the same thing, and give a different description. The difference such as this only goes to show a witness's level of observation. In this case, SP4 as a chemist would indeed be more observant than SP5 or SP6. Therefore, although there was contradictory evidence on the description of the pills it was not fatal to the prosecution's case. The contradictions were minor and should never be an issue in this case (see paras 53–55). F G H

(4) A planned pact is not the same as a planned crime as a planned pact could exist there and then or at that instance. In this case, although the second accused was not involved in the negotiating the sale and purchase of the drugs with SP7, nevertheless on the facts of this case there was a planned pact existed between the second accused and the first accused to traffic the said drugs (see para 60). I

(5) The defence that the first accused was unfairly trapped by Seman only arose during the defence case. It was never raised during the

A prosecution's case. Therefore, the trial judge did not err in not taking into account such evidence (see para 69).]

Nota-nota

B Untuk kes mengenai kegagalan memanggil pemberi maklumat sebagai saksi, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 1836.

Untuk kes-kes mengenai s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 263–307.

C **Kes-kes yang dirujuk**

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336, MA (dirujuk)

Chan Chor Shuh v PP [2003] 2 MLJ 26; [2003] 1 CLJ 501, MR (dirujuk)

D *Chan Pean Leon v PP* [1956] MLJ 237, MT (dirujuk)

Ghazalee bin Kassim & Ors v PP and other appeals [2008] 3 MLJ 473; [2008] 4 CLJ 431, MR (dirujuk)

Kamalahassan a/l Latchimanan v Pendakwa Raya [2008] 3 MLJ 810; [2008] 4 AMR 481, MR (dirujuk)

E *Mahbub Shah v Emperor* AIR 1945 PC 118 (dirujuk)

Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)

Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560, MP (dirujuk)

F *PP v Chong Chee Kin & Anor* [1995] 2 MLJ 679, MT (dirujuk)

PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561, MA (dirujuk)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395; [1996] 2 AMR 3506, MR (dirujuk)

G *Ti Chuee Hiang v PP* [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 38(1)(1), 40, 40A
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
H Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2002 (Mahkamah I Tinggi, Kota Bharu).

Tara Singh Delip (DS Tara & Co) bagi pihak kedua-dua perayu.

Awg Armadajaya bin Awg Mahmud (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Raus Sharif HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENDAHULUAN

[1] Wan Yuriilhami bin Wan Yaacob (tertuduh pertama) dan Zakaria bin Jusoh (tertuduh kedua) telah dituduh bersama-sama melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 93.70g methamphetamine, satu kesalahan di bawah s 38(1)(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kedua-dua tertuduh didakwa telah melakukan kesalahan tersebut pada jam lebih kurang 5 petang, 1 Ogos 2001, di tempat letak kereta Hotel Perdana, Jalan Mahmud, Kota Bharu, Kelantan.

[3] Pada 21 Julai 2004, hakim Mahkamah Tinggi, Kota Bharu, Kelantan ('hakim bicara') telah mendapati kedua-dua tertuduh bersalah. Mereka disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori.

[4] Kedua-dua tertuduh secara berasingan telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap sabitan dan hukuman. Rayuan mereka telah didengar bersekali pada 11 Ogos 2008. Dengan sebulat suara, rayuan mereka telah ditolak.

KES PENDAKWAAN

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil lapan orang saksi. Dari keterangan saksi-saksi, kes pendakwaan bolehlah dirumuskan seperti berikut.

[6] Pada 26 Jun 2001, Inspektor Roslan Haji Yusof @ Mohamad ('SP5') yang bertugas di Jabatan Narkotik IPK Kelantan telah menerima panggilan telefon dari seorang yang tidak dikenali yang mendedahkan kegiatan pengedaran dadah oleh seorang lelaki.

[7] Pada 6 Julai 2001, SP5 telah menemui pemberi maklumat itu. Dalam pertemuan itu SP5 telah dimaklumkan oleh pemberi maklumat bahawa lelaki berkenaan telah menyuruhnya mencari pasaran atau pembeli bagi dadah pil 'WY'.

[8] Pada 14 Julai 2001, SP5 telah bertemu pemberi maklumat untuk kali kedua. Dalam pertemuan itu, SP5 telah diberitahu bahawa lelaki berkenaan

A bersetuju untuk berurusan dengan pembeli yang dicadangkan olehnya. SP5 telah menetapkan 16 Julai 2001 sebagai pertemuan di antara pembeli dengan lelaki tersebut.

B **[9]** Pada 15 Julai 2001, seorang anggota dari Jabatan Narkotik IPK Perak, iaitu D/Sgn Maj Busra bin Abd Kadir ('SP7') telah didatangkan ke Kelantan untuk bertindak sebagai 'pembeli'.

C **[10]** Pada pagi 16 Julai 2001, SP5 telah memperkenalkan SP7 kepada pemberi maklumat. Di pertemuan itu, SP5 dan SP7 telah diberitahu oleh pemberi maklumat bahawa lelaki tersebut ingin bertemu pembeli di stesyen minyak Petronas, Rantau Panjang.

D **[11]** Pada hari yang sama jam lebih kurang 12 tengah hari, SP7 dan pemberi maklumat telah berlepas ke Rantau Panjang dengan menaiki Proton Perdana yang dipandu oleh SP7. SP5 mengekori mereka dari belakang dengan kereta lain.

E **[12]** Apabila sampai di stesyen minyak Petronas di Rantau Panjang, dua orang lelaki yang menaiki motosikal telah menghampiri kereta SP7. Pembonceng motosikal itu telah masuk ke dalam kereta SP7. Ia mengarahkan SP7 mengekori penunggang motosikal tadi yang menuju ke sebuah rumah papan.

F **[13]** Di dalam rumah itu penunggang motosikal itu telah memperkenalkan dirinya kepada SP7 sebagai 'Yuri'. SP7 memperkenalkan dirinya sebagai 'Bob'. Yuri adalah tertuduh pertama.

G **[14]** SP7 dan tertuduh pertama telah berbincang mengenai bekalan pil kuda. Hasil dari perbincangan itu, tertuduh pertama telah bersetuju untuk membekalkan SP7 tiga bungkusan pil kuda dengan harga RM14.50 sebiji. Satu bungkusan mengandungi paket plastik dengan setiap paket berisi 200 biji pil. Tertuduh pertama telah bersetuju untuk menghubungi SP7 apabila
H mendapat bekalan sebanyak yang dijanjikan.

[15] Pada 21 Julai 2001, SP7 telah menghubungi tertuduh pertama melalui telefon bertanyakan bekalan pil kuda yang dijanjikan. Tertuduh pertama memberitahu SP7 supaya menunggu panggilan daripadanya.

I **[16]** Pada 31 Julai 2001, SP7 telah dihubungi oleh tertuduh pertama dan diberitahu bahawa dadah yang dijanjikan sudah ada iaitu dua bungkus dan harganya RM13 sebiji. Tertuduh pertama meminta SP7 menyediakan RM50,000.

[17] Pada 1 Ogos 2001, SP7 telah dihubungi oleh tertuduh pertama dan memberitahu SP7 supaya menunggunya di kawasan letak kereta di Hotel Perdana, Kota Bharu pada jam 4 petang bagi maksud jual beli dadah yang dijanjikan.

[18] SP7 telah memberitahu SP5 mengenai rancangan itu. Pada hari yang sama, SP5 telah mengumpulkan anggotanya dan memberi taklimat untuk tujuan serbuan hendap. SP5 dan anggotanya telah pergi ke lokasi jam lebih kurang 3 petang.

[19] SP7 juga telah pergi ke sana dan menunggu dalam kereta di tempat letak kereta di hadapan Hotel Perdana. SP7 menunggu bersama pemberi maklumat.

[20] Pada jam lebih kurang 5 petang, sebuah kereta Volvo No WU 9632 telah kelihatan masuk ke perkarangan Hotel Perdana dan kemudiannya berhenti bersebelahan dengan kereta SP7.

[21] Pemandu kereta Volvo tersebut ialah tertuduh pertama. Bersama beliau ialah tertuduh kedua. Kedua-dua mereka telah masuk ke dalam kereta SP7 di bahagian tempat duduk belakang. Sebaik sahaja mereka masuk, pemberi maklumat telah keluar dari kereta SP7 dan meninggalkan tempat itu.

[22] Tertuduh pertama telah memperkenalkan tertuduh kedua kepada SP7. Apabila ditanya oleh SP7 mengenai 'barang', tertuduh pertama sambil menunjuk dan memberitahu ada pada tertuduh kedua. Tertuduh kedua telah mengeluarkan dari dalam baju di bahagian depan perutnya, satu beg plastik hitam dan menyerahkan kepada SP7.

[23] SP7 mendapati beg plastik tersebut mengandungi dua bungkusan plastik lutsinar. Di dalamnya didapati bungkusan kertas kekuningan. SP7 telah menyerahkan satu bungkusan itu kepada tertuduh pertama dan meminta tertuduh pertama membuka bungkusan itu untuk beliau lihat kandungannya.

[24] Tertuduh pertama telah membuka bungkusan itu dan mengeluarkan satu paket dan menunjukkannya kepada SP7. Paket itu berwarna biru yang berisi pil-pil kemerahan. SP7 menyuruh tertuduh pertama memasukkan semula paket itu ke dalam bungkusan. SP7 kemudian meminta kedua-dua tertuduh tunggu sekejap atas alasan untuk mengambil wang dari bonet kereta.

[25] SP7 telah keluar dari kereta dan membuka bonet kereta dan memberi isyarat kepada anggota serbuan. SP5 dan anggotanya telah menyerbu ke kereta SP7. SP5 telah membuka pintu kanan belakang kereta itu dan mendapati tertuduh pertama dalam keadaan terkejut dan sedang meriba beg plastik hitam tersebut. Beg plastik hitam tersebut telah dirampas. Tertuduh pertama telah ditangkap.

[26] Pada masa yang sama, tertuduh kedua telah keluar dari pintu kiri belakang. Beliau telah ditangkap oleh Kpl Mohd Hanafi bin Jaafar ('SP8'). Berlaku pergelutan sebelum tertuduh kedua ditangkap.

[27] SP5 mendapati beg plastik hitam itu mengandungi dua bungkusan plastik putih lutsinar yang di dalamnya masing-masing berbungkus dengan kertas kekuningan. Di dalam kedua-dua bungkusan itu mengandungi masing-masing 10 bungkusan plastik berwarna biru. Tiap-tiap bungkusan plastik itu mengandungi sejumlah pil-pil yang disyaki dadah.

[28] Kesemua pil-pil yang berjumlah 3,985 biji telah dihantar ke Jabatan Kimia Kuala Terengganu. Ahli Kimia, Puan Zainon bt Muhamad ('SP4') telah mengesahkan bahawa ianya adalah dadah jenis 'methamphetamine' seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB. Beratnya ialah sebanyak 93.70g.

[29] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara setelah membuat penilaian maksimum ke atas keterangan pendakwaan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh. Mereka telah diperintahkan untuk membela diri sebagaimana pertuduhan.

KES PEMBELAAN

(i) *Tertuduh pertama*

[30] Tertuduh pertama telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Di dalam keterangannya tertuduh pertama telah menyatakan:

(1) Beliau berniaga pakaian di Rantau Panjang. Beberapa hari sebelum beliau ditangkap, pemberi maklumat yang beliau kenali sebagai Seman telah memperkenalkannya dengan SP7. Seman memperkenalkan SP7 sebagai seorang yang hendak membeli seluar jean daripadanya. Perkenalan itu berlaku di stesyen minyak Petronas, Rantau Panjang.

(2) Selepas berkenalan mereka pergi ke rumahnya. Di rumahnya, Seman telah memberitahunya yang SP7 sebenarnya hendak membeli pil kuda. Beliau memberitahu SP7 dan Seman yang beliau tidak mahu terlibat.

(3) Pada hari beliau ditangkap, beliau dan tertuduh kedua adalah dalam perjalanan ke Kota Bharu untuk membeli alat ganti kereta. Semasa dalam perjalanan beliau telah menerima panggilan telefon daripada Seman. Seman meminta beliau mengambilnya di Hotel Perdana. Beliau bersama tertuduh kedua telah pergi ke sana. Mereka sampai lebih kurang jam 4.45 petang.

(4) Apabila sampai di sana, beliau telah memberhentikan keretanya bersebelahan kereta SP7. Apabila Seman tidak keluar dari kereta SP7, beliau dan tertuduh kedua telah masuk ke dalam kereta SP7. Di dalam kereta SP7 beliau nampak ada satu bungkusan plastik hitam dekat brek tangan kereta SP7. Sejurus kemudian beliau dan tertuduh kedua telah ditangkap.

(5) Beliau sebenarnya diperangkap oleh Seman. Ini adalah kerana Seman berdendam dengannya kerana beliau mengambil kekasih Seman sebagai isteri dan beliau tidak membayar hutang Seman.

(6) Seman pernah mengurat isterinya sebelum mereka berkahwin. Malah selepas berkahwin, Seman masih cuba memikat isterinya dan beliau pernah menegur Seman dengan keras supaya tidak mengganggu isterinya.

[31] Untuk menyokong keterangannya, tertuduh pertama telah memanggil isterinya, Puan Laila Anuraksanan ('SD2') sebagai saksi. SD2 mengesahkan bahawa Seman memang ada menaruh hati kepadanya sejak sebelum dia berkahwin dengan tertuduh pertama. Menurutnya, selepas mereka berkahwin, Seman masih datang mengganggunya beberapa kali semasa suaminya tidak ada di rumah. Malahan menurutnya lagi, setelah suaminya ditangkap, Seman masih cuba menggodanya.

[32] Jadi, pembelaan tertuduh pertama ialah beliau tidak terlibat langsung dengan pengedaran dadah tersebut. Beliau tidak tahu-menahu mengenai bungkusan plastik hitam yang dijumpai di dalam kereta SP7. Sebaliknya beliau mendakwa bahawa beliau telah diperangkap oleh Seman.

(ii) *Tertuduh kedua*

[33] Tertuduh kedua juga telah memberi keterangan secara bersumpah. Di dalam keterangannya tertuduh kedua telah menyatakan:

(1) Beliau adalah seorang peniaga di Rantau Panjang dengan menjual toto, kain cadar dan lain-lain. Beliau telah mengenali tertuduh pertama hampir 30 tahun. Pada hari beliau ditangkap iaitu 1 Ogos 2001, beliau menemani tertuduh pertama ke Kota Bharu untuk membeli alat ganti

kereta. Dalam perjalanan, tertuduh pertama telah menerima panggilan telefon dari Seman yang meminta tertuduh pertama mengambilnya di Hotel Perdana.

(2) Apabila sampai di tempat letak kereta Hotel Perdana, tertuduh pertama telah mengajaknya ke kereta SP7, yang menurut tertuduh pertama adalah rakannya. Mereka telah memasuki kereta SP7 dan kemudiannya telah ditangkap semasa keluar dari kereta tersebut.

[34] Sama seperti pembelaan tertuduh pertama, tertuduh kedua menafikan beliau terlibat dalam pengedaran dadah tersebut. Menurutnya, beliau tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang dadah yang dirampas oleh polis di dalam kereta SP7. Malah menurutnya lagi, kali pertama beliau melihat bungkusan hitam yang dirampas itu ialah apabila SP5 menunjukkan kepadanya di IPD Kota Bharu.

[35] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah menolak pembelaan kedua-dua tertuduh. Hakim bicara juga mendapati bahawa kedua-dua tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dengan itu hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap kedua-dua tertuduh dengan melampaui keraguan yang munasabah. Mereka telah disabitkan seperti pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati.

ISU-ISU

[36] Di mahkamah ini, Encik Tara Singh Delip, peguam yang bijaksana yang mewakili kedua-dua tertuduh telah berhujah bahawa sabitan terhadap kedua-dua tertuduh seperti pertuduhan adalah tidak selamat. Beliau memohon mereka dilepaskan dan dibebaskan. Hujahan-hujahan beliau boleh dikumpulkan di bawah tajuk-tajuk berikut:

(i) pemberi maklumat iaitu Seman bukan seorang pemberi maklumat tetapi seorang agen perangkap;

(ii) terdapat keraguan tentang identiti barang-barang kes;

(iii) unsur-unsur niat bersama tidak dibuktikan;

(iv) intipati pemilikan tidak dibuktikan;

(v) tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah diperangkap secara curang; dan

(vi) keterangan tidak mencukupi bagi mengaitkan tertuduh kedua dalam pengedaran dadah tersebut.

[37] Timbalan pendakwa raya, Awg Armadajaya bin Awg Mahmud telah menangkas setiap hujahan tersebut dan memohon mahkamah ini supaya tidak merubah keputusan hakim bicara. Menurutnya, sabitan terhadap kedua-dua tertuduh adalah selamat.

KEPUTUSAN

(i) *Pemberi maklumat bertindak sebagai agen perangkap*

[38] Encik Tara Singh Delip telah berhujah bahawa hakim bicara telah salah di dalam pertimbangan dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak mengambilkira bahawa pemberi maklumat iaitu Seman telah melibatkan diri dengan aktif. Menurutnya, Seman patut dipanggil oleh pihak pendakwa sebagai saksi atau setidak-tidaknya ditawarkan kepada pihak pembelaan. Hujahannya ialah, kegagalan pihak pendakwaan memanggil atau menawarkan pemberi maklumat kepada pihak pembelaan menimbulkan inferens bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

[39] Di bawah ADB, peruntukan mengenai pemberi maklumat dan agen perangkap adalah diperuntukkan di bawah ss 40 dan 40A yang berbunyi seperti berikut:

Section 40

(1) Except as hereinafter provided, no complaint as to an offence under this Act shall be admitted in evidence in any civil, or criminal proceeding whatsoever, and no witness shall be obliged or permitted to disclose the name or address of any informer, or state any matter which might lead to his discovery.

(2) If any books, documents or papers which are in evidence or liable to inspection in any civil or criminal proceeding whatsoever contain any entry in which any informer is named or described or which might lead to his discovery, the Court before which the proceeding is had shall cause all such passages to be concealed from view or to be obliterated so far as is necessary to protect the informer from discovery, but no further.

(3) Of on trial for any offence under this Act the Court, after full inquiry into the case, is of opinion that the informer willfully made in his complaint a material statement which he knew or believed to be false or did not believe to be true, or if in any other proceeding the Court is of opinion that justice cannot be fully done between the parties thereto without the discovery of the informer, the Court may require

A the production of the original complaint, if in writing, and permit inquiry and require full disclosure concerning the informer.

Section 40A

B (1) Notwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, no agent provocateur shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having attempted to abet or abeted the commission of an offence by any person under this Act if the attempt to abet or abetment was for the sole purpose of securing evidence against such person.

C (2) Notwithstanding any rule of law of the provisions of this Act or any other written law to the contrary, and that the agent provocateur is a police officer whatever his rank or any officer of customs, any statement, whether oral or in writing made to an agent provocateur

D by any person who subsequently is charged with an offence under this Act shall be admissible as evidence at his trial.

[40] Pentafsiran dan pemakaian peruntukan-peruntukan di atas telah

E dibincangkan dalam beberapa kes (lihat kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; *Public Prosecutor v Chong Chee Kin & Anor*

F [1995] 2 MLJ 679; *Chan Chor Shuh v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 26; [2003] 1 CLJ 501; *Ghazalee bin Kassim & Ors v Public Prosecutor and other appeals* [2008] 3 MLJ 473; [2008] 4 CLJ 431; *Kamalahassan a/l Latchimanan v Pendakwa Raya* [2008] 3 MLJ 810; [2008] 4 AMR 481).

G

[41] Melalui penghakiman kes-kes tersebut di atas, kedudukan undang-undang mengenai s 40 dan 40A ADB adalah jelas. Pemberi maklumat adalah dilindungi dari memberi keterangan manakala agen perangkap tidak. Dalam lain perkataan, jika seseorang itu hanya seorang

H pemberi maklumat, pihak pendakwaan tidak perlu memanggilnya sebagai saksi atau menawarkannya kepada pihak pembelaan. Pemberi maklumat adalah dilindungi oleh s 40 ADB. Sebaliknya jika seseorang itu adalah seorang agen perangkap, ia perlu memberi keterangan di mahkamah sebagai saksi pendakwaan dan jika tidak dipanggil ditawarkan kepada pihak

I pembelaan. Ketinggalan berbuat demikian akan menarik pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan.

[42] Pertikaian di dalam kes ini ialah mengenai status Seman. Adakah beliau seorang pemberi maklumat atau seorang agen perangkap. Pihak

pendakwaan menegaskan bahawa Seman adalah pemberi maklumat. Pihak pembelaan pula berkeras menyatakan Seman adalah agen perangkap.

[43] Dalam memutuskan isu ini, hakim bicara telah merujuk kepada kes Mahkamah Agong di dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 di mana Mohamed Azmi SCJ yang menulis bagi Mahkamah Agong menyatakan:

> ... In our opinion whether a person is an informer or has become an active agent provocateur would depend on the facts of each particular case. In the instance case the protection under s 40(1) clearly applies since evidence showed all the informer did was to accompany DPC Lian on the 14th and introduce him to the appellant. Accordingly there is no merit in the argument that the learned judge ought to have invoked the adverse presumption under s 114(g).

[44] Hakim bicara menerima pakai prinsip tersebut di atas dan memutuskan Seman adalah pemberi maklumat. Hakim bicara mendapati bahawa peranan Seman adalah sekadar untuk memperkenalkan SP7 kepada tertuduh pertama. Kehadiran Seman dalam kereta SP7 sebelum serbuan dibuat tidak menukar sifatnya kepada agen perangkap kerana Seman tidak terlibat dalam perundingan jual beli dadah antara SP7 dan tertuduh pertama. Malah menurutnya, Seman telah keluar dari kereta SP7 sebaik sahaja kedua-dua tertuduh memasuki kereta SP7.

[45] Kami bersetuju dengan prinsip undang-undang yang dipakai dan dapatan fakta oleh hakim bicara itu. Seperti hakim bicara, kami dapati bahawa peranan pemberi maklumat dalam kes ini tidaklah sampai ke tahap agen perangkap. Pemberi maklumat dalam kes ini hanya berperanan memperkenalkan SP7 kepada tertuduh pertama. Selepas itu segala perundingan hanya melibatkan SP7 dan tertuduh pertama. Pemberi maklumat adalah tidak terlibat langsung. Beliau hanya timbul semula di hari serbuan hendap di mana beliau berada di dalam kereta SP7. Walau bagaimanapun, beliau telah keluar dari kereta SP7 sebaik sahaja tertuduh pertama dan tertuduh kedua memasuki kereta SP7.

[46] Jadi adalah menjadi pendapat kami bahawa hakim bicara adalah tidak silap dari segi undang-undang mahu pun dalam penemuan fakta dalam memutuskan bahawa Seman tidak bertukar daripada seorang pemberi maklumat kepada agen perangkap. Dengan itu tindakan pihak pendakwaan tidak memanggil Seman sebagai saksi atau tidak menawarkannya kepada pihak pembelaan tidak membangkitkan inferens terhadap pihak pendakwaan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

(ii) *Keraguan tentang identiti dadah yang dirampas*

[47] Encik Tara Singh Delip telah berhujah bahawa terdapat keraguan tentang identiti dadah yang dikaitkan dengan kedua-dua tertuduh. Menurutnya keraguan timbul di atas keterangan SP5, SP6 dan SP4. SP6 ialah C/Insp Md Nor bin Tahir iaitu pegawai penyiasat kes ini.

[48] Hujahan Encik Tara Singh Delip tertumpu kepada keterangan berikut. SP5 menyatakan semua pil-pil yang dirampas mempunyai tanda 'WY'. Tetapi SP4, iaitu ahli kimia menyatakan bahawa dari 3,985 pil-pil yang diperiksanya terdapat 211 pil bertanda 'R'. SP6 tidak pula menyebut mengenai tanda yang terdapat di pil-pil tersebut. Semasa di soal balas, SP6 menyatakan beliau tidak pasti sama ada terdapat apa-apa tanda di pil-pil tersebut.

[49] Menurut Encik Tara Singh Delip, bahawa kekeliruan yang berlaku boleh diatasi atau dijelaskan jika laporan polis dan senarai geledah dikemukakan sebagai ekshibit. Tetapi kedua-dua dokumen tersebut tidak dikemukakan. Ketinggalan itu mengundang inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

[50] Hakim bicara telah tidak mendapati apa-apa kekeliruan mengenai identiti pil-pil tersebut. Beliau memberi alasan-alasan seperti berikut:

> ... walaupun SP5 tidak menyebut pil 'R' tetapi apa yang pasti beliau telah meletakkan paket-paket plastik klinik biru P14–P23 dan P29–P38 tersebut di bawah jagaan dan kawalannya sebaik sahaja dirampas daripada tertuduh hingga diserahkan kepada SP6 pada 2 Ogos 2001. Terdapat 20 paket plastik klinik kesemuanya yang mengandungi sejumlah 3,985 biji pil. SP6 pula telah mengesahkan penerimaan 20 paket klinik tersebut daripada SP5 mengandungi jumlah pil yang sama. Keterangan juga menunjukkan pil-pil tersebutlah yang telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa oleh SP4.
>
> Memang benar daripada jumlah 3,985 pil tersebut didapati 211 daripadanya bertanda 'R' tetapi adalah jelas pada saya SP4, SP5 dan SP6 merujuk kepada eksibit yang sama walau pun SP4 menamakan dadah tersebut 'tablet'. Apa-apa perselisihan keterangan yang ada hanyalah sekadar label, iaitu antara huruf 'WY' dan 'R' yang terdapat pada pil tersebut. Tidaklah boleh dikatakan terdapat kecacatan pada identiti pil-pil dalam keterangan saksi-saksi. Bagaimanapun keterangan jelas menunjukkan pil-pil yang dirampas oleh SP5 daripada kedua-dua tertuduh adalah sama dengan yang diterima oleh SP6 dan yang dianalisa oleh SP4.

[51] Mengenai borang geledah, hakim bicara telah memutuskan seperti berikut:

Mengenai borang geledah yang dimaksudkan saya berpendapat s 64 Kanun Prosedur Jenayah yang menghendaki penyerahan borang sedemikian hanya terpakai bagi penggeledahan yang dijalankan di bawah Bab VI Kanun tersebut seperti kes ini. Tambahan pula dadah-dadah yang dirampas itu tergolong dalam kategori dadah berbahaya.

[52] Mengenai laporan polis, hakim bicara memutuskan seperti berikut:

... saya dapati laporan itu bukanlah suatu 'first information report' tetapi berupa suatu 'arrest report' memandangkan apabila laporan itu dibuat pihak polis telah pun mengambil langkah aktif dalam penyiasatan dan dengan yang demikian tidak boleh diterima sebagai keterangan (lihat *Public Prosecutor v Roslin bin Harun* [1993] 3 CLJ 505).

[53] Kami berpendapat tidak terdapat kecacatan mengenai keputusan yang dicapai mengenai perkara-perkara di atas. Kami bersetuju dengan hakim bicara bahawa tidak terdapat keraguan mengenai identiti pil-pil yang dirampas. Pada kami pil-pil yang dirampas oleh SP5 yang kemudiannya diserahkan kepada SP6 dan seterusnya dianalisa oleh SP4 adalah pil-pil yang sama.

[54] Perbezaan keterangan antara SP4, SP5 dan SP6 mengenai tanda di pil-pil tersebut lebih menunjukkan tahap ketelitian seseorang saksi. Adalah tidak mustahil untuk dua atau lebih orang saksi yang melihat perkara yang sama, memberikan diskripsi yang berbeza. Perbezaan seperti ini hanya menunjukkan tahap ketelitian seseorang saksi itu.

[55] Dalam kes ini, SP4 sebagai seorang ahli kimia sudah tentu lebih teliti daripada SP5 atau SP6. Jadi, walaupun terdapat perbezaan keterangan mengenai diskripsi pil-pil tersebut ianya tidak menjejaskan kes pihak pendakwaan. Perbezaannya adalah terlalu kecil dan seharusnya tidak menjadi isu dalam kes ini.

[56] Tambahan pula rantaian keterangan mengenai pil-pil tersebut tidak pernah terputus. Jelas bahawa pil-pil yang dirampas oleh SP5 adalah pil-pil yang sama yang diserahkan kepada SP6 yang kemudiannya dianalisa oleh SP4. Jadi, soal perlunya pihak pendakwaan mengemukakan borang geledah dan laporan polis untuk memperjelaskan identiti pil-pil tersebut tidak timbul. Tidak ada apa-apa inferens di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 boleh dibuat di atas tindakan pihak pendakwa tidak mengemukakan borang geledah dan laporan polis sebagai ekshibit.

(iii) *Unsur-unsur niat bersama tidak dibuktikan*

[57] Encik Tara Singh Delip mengutarakan isu ini seperti berikut.

Tertuduh kedua tidak terlibat sebagai pihak dalam perundingan jual beli dadah tersebut yang menurut saksi-saksi pendakwaan bermula pada 25 Jun 2001 sehingga 31 Julai 2001. Tertuduh kedua hanya muncul bersama dengan tertuduh pertama pada 1 Ogos 2001. Jadi bagaimanakah hakim bicara boleh memutuskan niat bersama untuk melakukan kesalahan mengedar dadah telah terjalin antara tertuduh pertama dan tertuduh kedua.

[58] Dalam hal ini, hakim bicara memang menyedari bahawa tertuduh kedua hanya muncul pada 1 Ogos 2001. Walau bagaimanapun, beliau mendapati bahawa terdapat bukti yang amat kuat dan tidak diragukan bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai niat bersama dalam pengedaran dadah tersebut. Hakim bicara memberi alasan seperti berikut:

> Dalam kes sekarang ini terdapat bukti yang lebih daripada dipercayai melalui keterangan SP5 dan SP7 bahawa tertuduh kedua telah bertindak secara bersepadu dengan tertuduh pertama dalam penjualan dadah tersebut. SP5 melihat tertuduh kedua keluar bersama tertuduh pertama daripada keretanya dan terus masuk ke kereta SP7. Malahan dialah yang membawa dadah tersebut ke kereta itu dengan menyorokkan di dalam bajunya. Perbuatan beg hitam (P10) mengandungi dadah tersebut dari bahagian dalam bajunya apabila SP7 bertanyakan 'mana barang' kepada tertuduh pertama jelas menunjukkan bukan sahaja tertuduh kedua mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya yang dibawanya tetapi dia juga mempunyai pengetahuan dadah tersebut adalah untuk dihantarserah (delivering) atau dibekalkan (supplying) atau diedarkan (distributing) kepada SP7, iaitu perbuatan-perbuatan yang termasuk di dalam takrif pengedaran di bawah s 2 Akta. Perbuatannya menentang tindakan anggota polis yang hendak menangkapnya memperkuatkan lagi keterangan mengenai keterlibatannya dalam urusan jual beli dadah tersebut.

[59] Kami bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh hakim bicara seperti di atas. Kami berpendapat kehadiran tertuduh kedua di tempat kejadian bukanlah secara kebetulan. Pada kami, tertuduh kedua adalah terlibat sama. Ini diasaskan atas fakta bahawa pada 1 Ogos 2001, tertuduh kedualah yang membawa dadah tersebut dengan menyorokannya di dalam bajunya. Beliau jugalah yang menyerahkan dadah tersebut kepada SP7 apabila SP7 bertanya mengenainya.

[60] Sudah menjadi undang-undang mantap bahawa satu pakatan terancang tidak sama dengan satu jenayah terancang kerana pakatan terancang boleh wujud dengan tiba-tiba atau pada waktu itu juga (lihat *Mahbub Shah v Emperor* AIR 1945 PC 118 dan *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336). Di dalam kes ini, walaupun tertuduh kedua tidak terlibat dalam perundingan jual beli dadah dengan SP7, tetapi atas fakta kes ini terdapat

pakatan terancang yang timbul antara tertuduh kedua dan tertuduh pertama untuk mengedar dadah tersebut.

(iv) *Intipati pemilikan tidak dibuktikan*

[61] Unsur utama terhadap pembuktian milikan ialah pembuktian unsur bahawa seseorang itu ada pengetahuan atau sedar akan benda yang dikatakan dia miliki (lihat *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237).

[62] Apabila keterangan SP5 dan SP7 diteliti, maka adalah sukar untuk mengatakan bahawa intipati pemilikan tidak dibuktikan terhadap kedua-dua tertuduh. Adalah jelas dari keterangan SP7 dan SP5 terdapat rundingan yang berterusan mengenai pembelian dadah antara tertuduh pertama dan SP7 sebelum kedua-dua tertuduh ditangkap pada 1 Ogos 2001. Pada hari mereka ditangkap tertuduh kedua yang membawa dadah tersebut. Beliaulah yang mengeluarkan beg plastik hitam dari bahagian dalam bajunya apabila SP7 bertanyakan 'mana barang'.

[63] Atas fakta tersebut, adalah sukar untuk menyatakan bahawa tertuduh pertama tidak ada pengetahuan atau tidak sedar akan dadah yang dirampas itu. Tertuduh pertama yang berurusan dengan jual beli dadah tersebut sudah tentu tidak boleh menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya.

[64] Bagi tertuduh kedua, tindakan beliau mengeluarkan beg plastik hitam dari bahagian depan perutnya apabila tertuduh pertama merujuk kepadanya selepas SP7 bertanyakan 'mana barang' menunjukkan beliau mempunyai pengetahuan tentang kandungan beg plastik hitam yang dibawanya. Tindakan beliau melawan apabila hendak ditangkap oleh SP8 menguatkan lagi dan menyokong dapatan fakta hakim bicara bahawa tertuduh kedua mengetahui mengenai barang yang diserahkan kepada SP7 adalah dadah.

[65] Jadi, kami tidak dapat menerima hujahan Encik Tara Singh Delip bahawa intipati pemilikan tidak dibuktikan terhadap tertuduh pertama mahupun tertuduh kedua. Jelas atas fakta kes ini kedua-dua tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut.

(v) *Kedua-dua tertuduh diperangkap secara curang*

[66] Pembelaan ini diutarakan oleh tertuduh pertama. Tertuduh pertama di samping menafikan beliau terlibat dalam perundingan jual beli dadah dengan SP7, telah mendakwa bahawa apa yang berlaku terhadapnya adalah angkara Seman. Menurutnya beliau diperangkap oleh Seman kerana Seman berdendam dengannya.

[67] Tertuduh pertama telah memberi dua alasan sebab Seman berdendam dengannya. Pertama, beliau mengambil kekasih Seman sebagai isteri. Kedua, beliau tidak membayar hutang Seman. Hakim bicara telah menolak pembelaan ini. Alasannya adalah seperti berikut:

> ... Pada satu masa, tertuduh pertama memberitahu Seman berdendam dengannya tetapi pada masa yang sama dia mengatakan telah berurusan dengan Seman dalam pembekalan barang-barang dari Thailand. Keterangan bahawa Seman juga telah memerangkapnya kerana hutang juga adalah juga amat tidak munasabah kerana jika dia benar-benar berhutang dengan Seman tidak mungkin Seman akan mempercayainya lagi. Jauh sekali untuk memperkenalkan kepada SP7 bagi pembekalan seluar jean sebagaimana yang dikatakannya.

[68] Kami dapati tiada kecacatan atas kesimpulan yang dibuat hakim bicara itu. Tambahan pula, pembelaan bahawa tertuduh pertama diperangkap oleh Seman tidak pernah dikemukakan semasa kes pendakwaan. SP5, SP6 dan SP7 tidak pernah disoal balas mengenai isu ini. Kegagalan berbuat demikian membawa risiko. Ianya boleh dianggap sebagai pembelaan yang baru dijelmakan atau baru difikirkan. Dengan itu nilai kebolehpercayan terhadap pembelaan sedemikian adalah rendah. Di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561 Edgar Joseph Jr SCJ menyatakan:

> A final point needs to be made. The trial judge appreciated correct law when he held, as he did in fact hold, that the defence is entitled, through cross-examination of prosecution witness, to put its case at the earliest possible stage. Indeed it spelling behoves the defence to do so, for we need hardly say if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being critised for having kept his defence 'up his sleeve' so to speak, and it being branded as recent invention.

[69] Inilah yang terjadi di dalam kes kita. Pembelaan bahawa tertuduh pertama diperangkap secara curang oleh Seman hanya timbul semasa kes pembelaan. Ia tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan. Dengan itu hakim bicara adalah tidak silap untuk tidak mengambilkira sangat keterangan sedemikian.

(vi) *Keterangan tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh kedua kepada pertuduhan*

[70] Kami juga tidak dapat menerima hujahan Encik Tara Singh Delip bahawa keterangan tidak mencukupi untuk mengaitkan tertuduh kedua dalam pengedaran dadah tersebut. Sebaliknya kami berpendapat bahawa

keterangan dalam kes ini adalah lebih dari mencukupi untuk menunjukkan penglibatan tertuduh kedua dalam pengedaran dadah tersebut.

[71] Tertuduh kedua yang membawa bungkusan plastik hitam yang mengandungi dadah tersebut. Dialah yang mengeluarkan bungkusan plastik daripada depan perutnya apabila SP7 bertanyakan 'mana barang'. Apabila hendak ditangkap oleh pihak polis, tertuduh kedua telah melawan. Pergelutan berlaku. Persoalannya, adakah tingkah laku tertuduh kedua itu konsisten dengan seorang yang tidak tahu menahu akan perkara yang dilakukannya. Kami rasakan tidak. Jadi sukar untuk mempercayai pembelaan tertuduh kedua bahawa beliau tidak tahu menahu akan dadah yang dirampas itu dan beliau hanya melihatnya untuk kali pertama apabila SP5 menunjukkan beg itu kepadanya di IPD Kota Bharu.

PENUTUP

[72] Di dalam kes ini, hakim bicara telah membuat beberapa penemuan fakta. Dalam membuat penemuan fakta itu, hakim bicara telah menerima keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan terutamanya keterangan SP5 dan SP7. Beliau telah memberi sebab-sebab mengapa beliau mempercayai keterangan SP5 dan SP7. Keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan telah diuji dengan keterangan saksi-saksi pembelaan. Hakim bicara telah menolaknya. Beliau telah memberi sebab-sebab mengapa beliau berkeputusan sedemikian. Persoalannya, apakah tugas mahkamah di peringkat rayuan dalam perkara seperti ini.

[73] Undang-undang adalah jelas bahawa mahkamah di peringkat rayuan tidak akan sewenang-wenangnya mengganggu dapatan fakta hakim bicara melainkan dapat ditunjukkan secara jelas hakim bicara melakukan kesilapan arah diri terhadap dapatan fakta itu (lihat *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395; [1996] 2 AMR 3506). Rasional kepada prinsip ini adalah kerana hakim bicara telah melihat dan mendengar keterangan saksi-saksi dan dengan itu menjadi budi bicara mutlak untuk menerima atau menolak kesemua atau sebahagian keterangan mana-mana saksi.

[74] Di dalam kes ini, kami tidak nampak apa-apa kesilapan arah diri oleh hakim bicara. Jadi, kami tidak ada sebab untuk mengganggu keputusan yang dibuat oleh hakim bicara. Akhirnya, kami berpendapat dari keseluruhan keterangan di akhir perbicaraan, pihak pendakwaan telah membuktikan

kesnya terhadap kedua-dua tertuduh melampaui keraguan yang munasabah. Sabitan mereka adalah selamat. Dengan itu rayuan kedua-dua tertuduh adalah ditolak. Sabitan dan hukuman dikekalkan.

Rayuan-rayuan ditolak.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed